

China bukan musuh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia sentiasa menolak pandangan bahawa China adalah negara yang mesti dianggap sebagai bakal musuh negara.

Perdana Menteri berkata, hubungan di antara Malaysia dan China berkembang pesat sejak dekad yang lalu.

"Ini kerana beberapa faktor. Sebagai negara besar dengan jumlah penduduk yang ramai, China sudah memaklumkan iltizam untuk hidup bersama secara aman damai dan tidak mencampuri urusan dalaman negara lain.

"Oleh itu, Kami tidak bersetuju dengan pendapat China harus dianggap

sebagai bakal musuh Malaysia dan dengan itu kami perlu bersiap sedia menghadapi pelbagai kemungkinan dan mengenal pasti rakan kami dalam menghadapi kemungkinan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis jamuan makan malam bagimeraikan Presiden China, Jiang Zemin, sempena lawatan rasminya ke negara ini anjuran Persatuan Persahabatan Malaysia-China (PPMC), di sini, malam ini.

Sehubungan itu, Dr Mahathir juga Penaung PPMC yakin China akan muncul sebagai negara maju serta berpengaruh dalam hal-ehwal antarabangsa dan perkara itu mungkin menjadi kenya-

taan dalam suku pertama abad akan datang.

"Ketika itu, generasi kita yang baru lahir pada masa ini, menjadi dewasa. Ini bermakna peluang sebenar menjalin hubungan persahabatan yang berkekalan dengan asas kerjasama yang kukuh di antara Malaysia dan China sudah wujud ketika ini.

"Dalam mencapai hasrat itu, dasar asas Kerajaan Malaysia terhadap China untuk memupuk persahabatan.

"China menekankan sekali lagi niat baiknya memelihara keamanan. Kami mengalu-alukan iltizam China itu kerana keamanan itu penting dalam usaha kita mencapai kemajuan ekonomi dan menaikkan taraf hidup rakyat," katanya.